

2 JAN 1996

TONGKAH PEROLEHI SAHAM MAJORITI DALAM STI ASIA CONNECT

KUALA LUMPUR, 2 Jan (Bernama) -- Tongkah Holdings Bhd kini memasuki perniagaan teknologi maklumat secara lebih besar setelah mengambil alih kepentingan majoriti dalam STI Asia Connect Sdn Bhd, salah satu syarikat yang memberi perkhidmatan penyediaan maklumat bagi Internet di Asia.

Dalam satu kenyataan hari ini, syarikat itu berkata ia telah memasuki perjanjian jual-beli bersyarat untuk memiliki 2.1 juta saham RM1 satu, yang merupakan 70 peratus kepentingan dalam Asia Connect, untuk RM15.75 juta tunai.

Ia akan mengambil alih keseluruhan 1.44 juta saham atau 48 peratus pegangan dalam Asia Connect dan 660,000 saham atau 22 peratus kepentingan daripada Ray Cheng Associates Sdn Bhd. Ray Cheng, yang sebelum urus niaga itu memegang ekuiti 52 peratus, akan mengekalkan 30 peratus kepentingan dalam Asia Connect.

Pengarah eksekutif Tongkah, Yeow Kheng Chew berkata pemilikan kepentingan majoriti dalam Asia Connect merupakan satu paduan tenaga dengan perniagaan anak syarikat milik 70 peratusnya, Teknosif Sdn Bhd yang kini menawarkan perkhidmatan pemprosesan data seismik kepada industri minyak dan gas.

Asia Connect, yang disambung terus kepada sistem komputer pada 15 Sept, 1995, telah dipilih untuk memajukan website Sukan Komanwel Kuala Lumpur '98 dan memberi penghormatan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad sebagai ketua kerajaan yang pertama di dunia yang muncul secara 'langsung' menerusi Internet.

Asia Connect telah pun memajukan beberapa website termasuk Utusan Malaysia, Binariang/Maxis, Oracle Hong Kong dan Internet World Asia '96. --
BERNAMA